

Bil. S 30

**AKTA BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG LAPANGAN TERBANG
(PENGGAL 188)**

**PERINTAH BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG LAPANGAN TERBANG
(PENGECUALIAN), 2004**

SUSUNAN PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengecualian dari bayaran perkhidmatan penumpang.
-

**AKTA BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG LAPANGAN TERBANG
(PENGGAJAL 188)**

**PERINTAH BAYARAN PERKHIDMATAN PENUMPANG LAPANGAN TERBANG
(PENGECEUALIAN), 2004**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (e) bab 3 dari Akta Bayaran Perkhidmatan Penumpang Lapangan Terbang maka Menteri Perhubungan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Bayaran Perkhidmatan Penumpang Lapangan Terbang (Pengecualian), 2004.

Pengecualian dari bayaran perkhidmatan penumpang.

2. Golongan penumpang yang berikut adalah dengan ini dikecualikan dari pembayaran bayaran perkhidmatan penumpang yang disebutkan dalam bab 2 dari Akta Bayaran Perkhidmatan Penumpang Lapangan Terbang —

Mana-mana penumpang yang, sebagaimana keterangan tiketnya, adalah dijadualkan untuk berlepas dari Negara Brunei Darussalam menggunakan pesawat udara, dalam masa 24 jam dari masa ketibaannya, menuju ke suatu destinasi dalam mana-mana negara atau wilayah selain daripada negara atau wilayah dimana dia menaiki pesawat udara yang digunakannya untuk sampai di Negara Brunei Darussalam.

Diperbuat pada hari ini 20 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 10 haribulan April, 2004.

**PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN
DATO SERI SETIA HAJI AWANG ZAKARIA BIN
DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.**